



— 35 Stesen Minyak Dijangka Henti Operasi di Sabah dan Labuan, Hajiji Bakal Jumpa Shell Malaysia

Dilaporkan gagal mengekalkan prestasi syarikat

Berita tersebar awal minggu ini bahawa 35 stesen Shell akan ditutup pada awal Januari: 10 di Tawau, dua di Semporna, enam di Lahad Datu, 12 di Sandakan, dua di Labuan, dan satu di Likas, Telipok dan Kuala Penyu.

Shell Timur Sdn Bhd, yang mengendalikan kios Shell di Sabah dan Labuan, mengesahkan pada Jumaat bahawa syarikat itu menutup beberapa stesen runcit yang kurang produktif untuk mengekalkan prestasi syarikat dalam semakan berterusan.